



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

MENYAPU KHUFF (MUZA): MEMUDAHKAN BERWUDHU' KETIKA DALAM PELAYARAN

(Bilangan Pertama)

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas
Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

Sebagaimana yang kita sedia maklum *wudhu'* merupakan sebahagian syarat sah untuk kita mendirikan sembahyang. Tidak kira sama ada dalam keadaan bermukim atau dalam pelayaran. Untuk mengambil *wudhu'* pula walaupun mudah dilakukan dalam keadaan biasa, tetapi adakalanya ia sukar untuk dilakukan disebabkan berbagai faktor yang menghalang atau menyukarkan seseorang untuk mengambil *wudhu'*. Sebagai contoh, faktor ketiadaan atau kekurangan air, ketiadaan tempat yang sesuai atau keadaan tempat yang menyukarkan untuk mengambil *wudhu'* dan sebagainya.

Satu contoh kesukaran yang nyata biasa dihadapi oleh orang ramai ialah apabila hendak mengambil *wudhu'* ketika berada di dalam kapal terbang semasa dalam pelayaran. Dalam keadaan bilik air di dalam kapal terbang yang sempit adalah amat sukar bagi seseorang untuk mengambil *wudhu'* terutama dalam perkara membasuh kaki.

Perkara inilah merupakan salah satu cabaran yang biasa dihadapi oleh orang yang bermusafir ketika hendak menunaikan sembahyang di dalam kapal terbang semasa dalam pelayaran. Kalau semangat tidak kental untuk menghadapi cabaran ini, boleh

jadi orang itu malas untuk menunaikan sembahyang dan timbul pula pemikiran untuk mengqadhanya apabila sampai ke destinasi yang dituju.

Pemikiran untuk mengqadha sembahyang sedang dia berdaya untuk menunaikannya pada waktunya adalah pemikiran tidak menepati kehendak syara'. Pemikiran begini perlu dibetulkan. Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri semasa hayat Baginda, tidak pernah mengqadhakan sembahyang Baginda disebabkan kesukaran semasa pelayaran. Baginda tetap menunaikan sembahyang dengan kepayahan dan kesulitan.

Bagi mengelakkan dari perkara ini berlaku, salah satu alternatif yang boleh diambil sebagai memudahkan membasuh kaki ketika mengambil *wudhu'* ialah dengan cara menyapu atau mengusapkan air pada *khuff* yang dipakai di kedua belah kaki sebagai ganti membasuh kaki.

Apa Itu *Khuff*?

Yang dimaksudkan dengan *khuff* dalam pengertian syara' ialah pakaian yang diperbuat daripada kulit atau seumpamanya yang menutupi bahagian kaki hingga ke buku lali.

Buku lali ialah dua tulang yang menonjol pada pertemuan kaki dan betis.

Yang dimaksudkan dengan menyapu atau mengusapkan air pada *khuff* ialah menyapu atau mengusapkan air pada sebahagian daripada *khuff* sebagai ganti membasuh kedua belah kaki ketika ber*wudhu'*.

Contoh imej *khuff*:



Hukum Menyapu *Khuff*

Menyapu air pada *khuff* ketika ber*wudhu'* hukumnya adalah harus. Perbuatan ini disyari'atkan bagi lelaki dan perempuan sama ada ketika di dalam pelayaran atau bukan di dalam pelayaran sebagai keringanan atau kelonggaran (*rukhsah*) dan bagi memudahkan umat Islam terutama ketika mengambil *wudhu'* umpamanya di dalam pelayaran, mengambil *wudhu'* pada musim sejuk dan bagi mereka yang sentiasa dalam tugas seperti tentera, polis dan sebagainya.

Sungguhpun perbuatan menyapu air pada *khuff* ini dibolehkan, akan tetapi membasuh kaki dengan air ketika ber*wudhu'* adalah lebih baik. Ini kerana membasuh kaki ketika ber*wudhu'* merupakan perbuatan asal dan Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri pada kebanyakan waktu Baginda ber*wudhu'* lebih kerap (selalu) membasuh kaki berbanding menyapu air pada *khuff* Baginda.

Adakalanya orang yang memakai *khuff* disunatkan baginya menyapu *khuff*nya dengan air sebagai ganti membasuh kedua belah kaki ketika ber*wudhu'* apabila orang tersebut takut akan terluput sembahyang berjemaah jika dia membasuh kakinya.

Adakalanya pula orang yang memakai *khuff* diwajibkan baginya menyapu *khuff*nya dengan air sebagai ganti membasuh kedua belah kaki ketika ber*wudhu'* apabila orang tersebut takut akan terluput sembahyang fardhu atau sembahyang Jumu'ah jika dia membasuh kakinya.

Adakalanya juga haram hukumnya menyapu *khuff* dengan air sebagai ganti membasuh kaki, iaitu bagi orang yang sedang berihram yang dengan sengaja dan dengan kehendaknya sendiri memakai *khuff*.

Dalil Pengharusan Menyapu *Khuff*

Perbuatan menyapu air pada *khuff* ini sabit melalui hadits Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam*. Baginda pernah melakukannya beberapa kali sehinggakan Ibnu al-Mundzir meriwayatkan daripada Hasan al-Bashri, beliau berkata: “Tujuh puluh orang dari kalangan Sahabat telah menceritakan kepadaku bahawa sesungguhnya Nabi *Shallallahu ‘alaihi wasallam* telah menyapu air pada kedua *khuff* Baginda”.

Diriwayatkan oleh Al-Mughirah bin Syu‘bah *Radhiallahu ‘anhu*:

()

Maksudnya: “*Daripada Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam bahawasanya Baginda keluar untuk menunaikan hajat Baginda, lalu diikuti oleh al-Mughirah dengan membawa kantung kulit yang berisi air. Apabila Baginda selesai menunaikan hajat al-Mughirah menuangkan air kepada Baginda, lalu Baginda mengambil wudhu’ dan menyapu kedua khuff Baginda*”

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Di dalam riwayat yang lain, Jarir bin Abdullah Al-Bajali *Radhiallahu ‘anhu* berkata:

()

Maksudnya: “*Aku telah melihat Nabi Shallallahu ‘alaihi wassallam selesai menunaikan hajat kecil, kemudian Baginda mengambil wudhu’ dan menyapu kedua khuff Baginda*”.

(Hadits riwayat Muslim)

bersambung